

## PERUTUSAN PENGERUSI



Tengku Syarif Bendahara Perlis  
Syed Badarudin Jamalullail Ibni  
Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

Pengerusi

### Para Pemegang Saham dan Pemegang Kepentingan Yang Dihargai,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan besar hati membentangkan gambaran keseluruhan prestasi kami bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2019 (TK2019). Meskipun cukai eksais ke atas minuman bergula yang dikuatkuasakan di Malaysia dan persekitaran eksport yang tidak menentu telah menyebabkan pengutamaan semula beberapa inisiatif, Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB atau Kumpulan) telah sekali lagi membuktikan kedayatahanan prestasinya.

Selama beberapa dekad yang lalu, kami telah mewujudkan ketangkasan untuk menyesuaikan syarikat dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Ini, digandingkan dengan portfolio produk yang pelbagai, jangkauan geografi yang seimbang dan strategi yang digariskan untuk tiga tunggak perniagaan kami, iaitu – Makanan & Minuman Malaysia (F&B Malaysia), Makanan & Minuman Thailand (F&B Thailand) dan Eksport – membolehkan kami sekali lagi mencapai keputusan kewangan yang memberangsangkan bagi TK2019.

Tumpuan ke atas pamacu pertumbuhan kami iaitu; Inovasi, Daya Saing Kos dan Kecemerlangan Pelaksanaan telah membawakan peningkatan prestasi jualan secara keseluruhan Kumpulan. Hasil F&NHB untuk tahun ini meningkat sebanyak 5.3 peratus kepada RM4.08 bilion. Disokong oleh harga komoditi yang menggalakkan dan kecekapan dalaman, keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat 25.7 peratus, menjangkaui setengah bilion Ringgit buat pertama kalinya mencapai RM533.0 juta (tidak termasuk keuntungan penjualan aset).

## PENCIPTAAN NILAI BAGI KESEMUA PEMEGANG KEPENTINGAN KAMI

Kami didorong untuk mencapai prestasi yang baik bagi menyokong objektif perniagaan kami serta mewujudkan nilai mampan untuk para pemegang kepentingan utama kami termasuk para pemegang saham, pengguna, pelanggan, rakan perdagangan, kakitangan dan komuniti di mana kami beroperasi.



Saya merasa sukacita untuk mengumumkan bahawa bagi TK2019, kami mengisyiharkan dividen sebanyak 60.0 sen sesaham (2018: 57.5 sen sesaham). Ini merangkumi dividen interim satu peringkat sebanyak 27.0 sen sesaham berjumlah kira-kira RM99.0 juta, yang telah dibayar pada 13 Jun 2019; dan dividen akhir sebanyak 33.0 sen sesaham, sekiranya diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan kami. Sementara itu, harga saham kami terus mencatatkan prestasi yang baik.

Kami wujud kerana pengguna kami dan memberi keutamaan untuk menggembirakan mereka dengan produk-produk yang berpegang kepada janji jenama kami iaitu "Nikmat Sebenar, Kebaikan Sejati". Pada tahun ini, kami menumpukan usaha terhadap memenuhi permintaan produk yang lebih sihat, dan telah berjaya merumuskan semula sebahagian besar minuman sedia-untuk-diminum (RTD) kami kepada kandungan gula di bawah 5g bagi setiap 100ml, mewakili 90 peratus daripada volum minuman RTD yang dijual pada masa kini. Pencapaian utama adalah keupayaan kami mengurangkan gula tanpa menjaskan rasa hebat yang diidami pengguna kami.

Rakan-rakan perdagangan kami adalah penting kepada proses kejayaan kami, dan berfungsi sebagai saluran kepada para pengguna kami. Dalam usaha menjadi rakan perniagaan pilihan, kami membuat keputusan untuk berhubung dengan lebih ramai para pelanggan secara langsung bagi memastikan perkhidmatan kualiti yang terbaik dan membina kesetiaan di samping mengukuhkan hubungan. Ramai daripada pengedar dan pelanggan kami telah berkhidmat untuk F&NHB selama beberapa generasi. Kami seikhlasnya menghargai sumbangan rakan-rakan niaga ini dan berusaha memastikan pertumbuhan berterusan mereka bersama Kumpulan.

Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan adalah bersepakat bahawa kakitangan kami adalah pamacu pertumbuhan syarikat yang paling penting. Untuk menjadi syarikat minuman utama di rantau ini, kami bergantung kepada keupayaan, kreativiti dan kerjasama kakitangan kami. Sedemikiannya, kami memupuk bakat dan menyediakan peluang-peluang pembangunan bagi menyokong cita-cita profesional mereka.

Kesejahteraan kakitangan kami merupakan satu aspek yang sangat diutamakan. Seiring dengan ini, F&NHB telah menambah baik rangka kerja kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE) pada tahun ini menerusi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang merentasi kesemua pejabat pentadbiran dan jualan kami. F&NHB juga telah memperbadankan petunjuk-petunjuk HSE sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) sepunya untuk semua eksekutif bagi memperkuatkukuhkan lagi budaya HSE di dalam organisasi kami.



## DIVIDEN BAGI TAHUN

**60 sen sesaham**

## PERUTUSAN PENGERUSI

\*\*\*

Sejumlah RM198,300 telah dianugerahkan kepada anak-anak kakitangan yang mencapai prestasi akademik dan kokurikulum yang cemerlang menerusi Anugerah Pengerusi F&N pada tahun ini.

\*\*\*



Sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan kami, yang kami anggap sebagai keluarga luas F&NHB, sejak 2003 F&NHB telah menyampaikan Anugerah Pengerusi kepada anak-anak mereka bagi memotivasi mereka mencapai kecemerlangan. Sejumlah RM198,300 telah dianugerahkan kepada 106 orang anak-anak kakitangan yang telah mencapai prestasi akademik dan kokurikulum yang cemerlang pada tahun ini.

Kami turut meneruskan pelaksanaan program-program yang bertujuan mewujudkan ekuiti sosial yang lebih rata menerusi aktiviti pengukuhan komuniti yang kurang bernasib baik bagi mengurangkan ketidaksamaan peluang, dan mempromosikan negara yang sihat melalui pembangunan sukan dan menyokong gaya hidup aktif.

### KEMAMPANAN SEBAGAI NILAI TERAS

**N**ilai yang kami cipta untuk para pemegang kepentingan kami daripada komponen amalan-amalan baik alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) merupakan tumpuan para pelabur hari ini. Lebih penting lagi, keputusan strategik kami dipandu oleh prinsip-prinsip ESG kerana ia melindungi kemampunan jangka panjang kami. Kami telah menetapkan Matlamat Kemampunan 2020 yang jelas, dan saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kami telah pun mencapai kemajuan yang baik dalam pencapaian sasaran kami.

Persekitaran yang sihat adalah kritikal kerana ia mempengaruhi kualiti hidup. Kami menunaikan tanggungjawab dalam hal ini menerusi program kitar semula sekolah serta usaha-usaha untuk meminimumkan jejak karbon merentasi rangkaian nilai kami. Pada tahun ini, jumlah sekolah yang mengambil bahagian meningkat dua kali ganda kepada 756 buah merentasi seluruh negara manakala jumlah siswa kitar semula yang dikumpulkan melebihi empat kali ganda. Melalui program ini, kami memupuk generasi masa depan yang peka

terhadap alam sekitar dan menyedari bahawa cara kehidupan dan pilihan yang dibuat mempunyai kesan yang ketara kepada pemeliharaan bumi kita.

Secara langsung, F&NHB sedaya mungkin mengurangkan penggunaan sumber dan tenaga semulajadi. Saya amat gembira kerana hakikatnya kami menghalau ke arah ekonomi kitaran. Pada tahun ini, kami telah melabur dalam bumbung solar di kilang kami di Thailand. Berikutnya kejayaan pelaksanaannya, kami akan memasang sistem yang seumpama di kilang-kilang kami yang lain.

F&NHB juga merupakan salah satu entiti korporat yang memainkan peranan penting dalam mempromosikan gaya hidup sihat dengan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam sukan dan meningkatkan kecergasan fizikal. Menerusi jenama 100PLUS, kami terus menyokong lebih daripada 1,000 acara sukan sepanjang tahun ini.

Kami percaya bahawa amalan tadbir urus yang mantap adalah komponen utama dalam mengukuhkan kepercayaan para pemegang kepentingan. Kami terus mengekalkan integriti korporat serta amalan ketulusan yang tinggi di samping mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017. Kami mengiktiraf nilai kepelbagaian dan akan terus memanfaatkan peluang untuk mempertingkatkan kepelbagaian Lembaga kami dari segi kemahiran, gender dan pengalaman. Sementara itu, kami bangga dengan peningkatan jumlah wanita di dalam pasukan pengurusan kepada 44 peratus berbanding 41 peratus pada akhir TK2018.

Sebagai bukti komitmen kami terhadap tadbir urus yang baik pada tahun ini kami telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) buat kali pertamanya. F4GBM adalah piawai emas bagi pematuhan keseluruhan kepada ESG, dan kami amat bangga kerana berjaya disenaraikan di dalam indeks ini. F&NHB juga merupakan salah satu syarikat di bawah Polisi Laluau Hijau Bursa

 Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana kami menyampaikan nilai melalui Inovasi, Pembangunan Modal Insan dan Kerjasama Sosial, sila rujuk ke halaman 032 hingga 065 di dalam Laporan Kemapanan kami.

Malaysia Berhad iaitu satu keistimewaan yang diberikan kepada syarikat-syarikat terpilih dengan amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Turut menjadi kebanggaan kami adalah kedudukan kami di dalam senarai Penarafan 100 Syarikat Utama Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) bagi Pendedahan CG, yang telah meningkat kepada kedudukan 51 berbanding 67 pada TK2018; dan kedudukan 28 bagi CG & Prestasi Keseluruhan berbanding posisi 42 pada tahun sebelumnya.

## PENGANUGERAHAN & PENGIKTIRAFAN

### Kualiti produk kami, budaya kerja dan amalan tadbir urus kami terbukti menerusi bilangan anugerah yang kami perolehi.

100PLUS sekali lagi membanggakan kami dengan memenangi anugerah Emas Kelapan bagi kategori Minuman Bukan Alkohol pada Anugerah Jenama Putra 2019. Sementara itu, F&N SEASONS telah diberikan Anugerah Inovasi Antarabangsa (IIA) 2018 oleh Enterprise Asia.

Sebagai pengiktirafan komitmen kami terhadap janji kualiti, F&NHB telah dianugerahkan QUDAL – Pingat Kualiti untuk Minuman Ringan dari Persatuan Pensijilan Dalaman (ICERTIAS) manakala F&B Thailand memenangi Anugerah Kualiti FDA dari Pentadbiran Makanan dan Dadah Kementerian Kesihatan Thailand untuk tahun ketujuh berturut-turut.

Dari segi pengeluaran, kilang kami di Pulau Indah diiktiraf untuk Amalan Terbaik dalam Pengurusan Sisa Pepejal 2018 oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Pada masa yang sama, F&B Thailand telah memenangi Pingat Emas dan Perak dalam Anugerah Kaizen Thailand 2019 untuk program penambahbaikan dan inovatif berterusan.

Amalan modal insan kami juga mendapat pengiktirafan industri yang lebih tinggi. Kami memenangi tempat kedua di dalam kategori Barang Pengguna Bergerak Segera di Majlis Anugerah Pilihan Graduan Malaysia 2019. Di samping itu, kami juga telah dianugerahkan Jenama Majikan Terbaik Asia dan Jenama Majikan Terbaik Malaysia oleh Institut Penjenamaan Majikan (EBI).

Saya juga dengan sukacitanya mengumumkan bahawa usaha-usaha kami untuk membina kepercayaan dengan pihak berkepentingan menerusi amalan pendedahan kami yang telus, berkualiti dan relevan telah diiktirafi dengan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2019 bagi kategori Produk dan Perkhidmatan Pengguna.



Sila rujuk halaman 011 dalam Laporan Tahunan kami untuk anugerah industri yang selanjutnya.

## MEMBINA WARISAN UNTUK GENERASI MASA DEPAN

F&NHB telah mengekalkan kedudukannya melebihi satu abad disebabkan oleh hala tuju strategik pemimpin-pemimpin kami selama ini yang memastikan kerelevan yang berterusan.

Kini, kami sekali lagi memasuki era baru dengan pengumuman rancangan untuk melabur kira-kira RM650 juta bagi membangunkan ladang tenusu bersepadu, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berkenaan cadangan pengambilalihan Ladang Chuping di Perlis.

Ladang tenusu bersepadu ini akan mendorong cita-cita Kumpulan untuk menjadi sebuah syarikat utama dalam segmen kesihatan dan kesejahteraan, dengan susu segar sebagai tungggak pertumbuhan baru kami. Saya amat teruja dengan inisiatif ini kerana ia akan mencipta nilai yang lebih tinggi bukan sahaja untuk Kumpulan tetapi juga kepada negara dan semua rakyat Malaysia.

Di samping membolehkan kami membina tungggak perniagaan baru bagi mengekalkan pertumbuhan yang mampan, kami juga akan meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan yang berpatutan, membantu negara menjadi mandiri dalam memenuhi keperluan pemakanan berkhasiat rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, kami akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dengan membangkitkan sektor pertanian tempatan. Menerusi usaha ini, kami akan sekali lagi memperkuuhkan jenama F&N sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai bagi pengguna kami yang dihargai dan rakyat jelata serta memenuhi keperluan kepelbagaiannya rakyat Malaysia.



## PENGHARGAAN

Saya ingin memberi pengiktirafan kepada pihak pengurusan kami kerana sikap berpandangan jauh dan semangat teguh mereka dalam memulakan usaha baru kami di dalam bidang pertanian tenusu. Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kesemua kakitangan kami yang sentiasa memberikan yang terbaik sebagai satu pasukan yang teguh bagi memenuhi matlamat kami.

Kepada rakan-rakan Lembaga, terima kasih saya ucapkan kerana masa, komitmen dan pedoman yang diberikan. Kepada kesemua pihak berkepentingan lain, kami amat menghargai sumbangan anda kepada Kumpulan yang membentuk asas kemampanan kami. Kami mengharapkan sokongan berterusan anda sambil kami meneruskan usaha-usaha untuk mencipta nilai untuk anda.

**Tengku Syarif Bendahara Perlis  
Syed Badarudin Jamalullail Ibni  
Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail**  
Pengerusi